

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]**

**SOALAN NO. 160**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perkembangan yang telah dicapai setakat ini melalui penubuhan Majlis Penasihat Pertanian Negara dalam usaha Kementerian untuk memartabatkan semula sektor pertanian negara dan membela nasib golongan petani.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) dianggotai oleh pelbagai pihak berkepentingan dan berperanan untuk mengenal pasti isu-isu utama sektor agromakanan sebelum mencadangkan strategi atau inisiatif berkaitan jaminan dan keselamatan makanan untuk pertimbangan Kementerian.

Sehingga kini, MPPN telah mengemukakan beberapa syor kepada Kementerian yang merangkumi antara lain aspek berikut:

- (i) peningkatan produktiviti pengeluaran pertanian;
- (ii) penjanaaan nilai tambah baharu hasil pertanian;
- (iii) penerokaan potensi eksport produk pertanian ke pasaran baharu;

- (iv) pengukuhan tapisan keselamatan makanan bagi import komoditi agromakanan;
- (v) mengukuhkan sistem penyampaian dan tadbir urus jabatan/agensi di bawah Kementerian; dan
- (vi) penambahbaikkan pembiayaan mikro pertanian.

MPPN turut mencadangkan penambahbaikkan terhadap pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara (DAN) dan syor-syor berkenaan telah diambil kira dalam merangka Hala Tuju: Prioriti dan Strategi 2019-2020. Selain itu, MPPN turut memberi pandangan terhadap cadangan pembangunan Model Baharu Industri Padi dan Beras. Pada ketika ini, Kementerian sedang merangka Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 yang akan dilaksanakan mulai tahun 2021 hingga 2030. Dasar baharu ini akan mengambil kira pandangan yang diutarakan oleh MPPN.

Sesi libat urus (*engagement*) antara MPPN dan jabatan/agensi di bawah Kementerian turut memberi perkembangan positif di mana penyampaian perkhidmatan (*service delivery*) ditambahbaik khususnya nasihat pengembangan pertanian kepada golongan petani. Pada masa yang sama, MPPN turut mengenal pasti *common interest* di antara badan berkanun, institusi pengajian tinggi, government linked companies (GLC) dan syarikat swasta bagi mewujudkan kerjasama strategik untuk menggalakkan lagi pertumbuhan dalam sektor agromakanan.

Adalah diharapkan MPPN terus memainkan peranan penting dalam menasihati Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam merangka strategi dan inisiatif serta perubahan dasar yang sesuai ke arah memartabatkan lagi sektor agromakanan dan nasib golongan petani.

Sekian, terima kasih.